

The background features a blue gradient that transitions from a deep blue on the left to a lighter blue on the right. At the bottom, there are several wavy, overlapping lines in shades of blue, yellow, and white, creating a sense of movement and depth.

BANTUAN KEBAJIKAN KERAJAAN SARAWAK

MELALUI

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT

Pengenalan

- Perkhidmatan bantuan kebajikan disediakan kepada kumpulan sasar yang memerlukan supaya dapat meneruskan kelangsungan hidup dengan sempurna. Skim bantuan kebajikan yang diwujudkan adalah sebagai alat dalam proses menolong klien ke arah pemulihan, pencegahan, pembangunan dan pengintegrasian, yang merupakan suatu kaedah dalam pengurusan kerja sosial. Proses pemberian bantuan kebajikan juga mengambil kira potensi yang ada pada setiap penerima bantuan yang masih produktif ke arah hidup berdikari

Konsep

- Bantuan Kebajikan adalah bersifat sementara dan saraan hidup bagi membantu individu/keluarga yang tidak berkemampuan dan berkeperluan, sehingga mereka dapat dipulihkan untuk hidup berdikari dan/atau meneruskan kehidupan yang lebih berkualiti.

JENIS-JENIS BANTUAN DAN KELAYAKAN

Bantuan bulanan

1. BANTUAN AM NEGERI (BA)

- Individu / keluarga miskin
- Klien yang tidak sesuai dengan bantuan skim lain
- Kadar Rm200.00 - Rm300.00 sebulan

2. BANTUAN KANAK-KANAK (BKK)

- Kanak-kanak yang berumur di bawah 18 tahun
- Kanak-kanak yang mempunyai ibubapa/penjaga yang tidak berkemampuan
- Kadar Rm150.00 - Rm1,000.00 sebulan

3. BANTUAN WARGA EMAS (BWE)

- Warga emas berumur 60 tahun ke atas
- Tiada mata pencarian untuk menyara hidup
- Sebatang kara atau mempunyai keluarga yang tidak mampu
- Kadar Rm500.00 sebulan

4. ELAUN PEKERJA ORANG KURANG UPAYA (EPOKU)

- Berumur 16 tahun ke atas
- Pemegang kad OKU JKM
- Pendapatan bulanan RM1,500.00 kebawah
- Kadar RM450.00

5. ELAUN OKU TIDAK BERUPAYA BEKERJA (BTB)

- Berumur 16 tahun ke atas
- Tidak mampu bekerja
- Disahkan oleh pegawai perubatan bagi kes meragukan
- Tidak melebihi PGK yang telah ditetapkan
- Kadar RM300.00 sebulan

6. BANTUAN PENJAGAAN OKU TERLANTAR / PESAKIT KRONIK TERLANTAR / PESAKIT KRONIK (BPT)

- Pemohon adalah penjaga sepenuh masa memberikan penjagaan rapi kepada OKU terlantar / pesakit kronik yang memerlukan pengawasan dan penjagaan
- Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM3,000.00 sebulan
- Kadar RM500.00 sebulan



KENYALANG GOLD CARD (KGC)

Kenyalang Gold Card turut dikenali sebagai “KGC” menyediakan kemudahan dan akses untuk orang Sarawak yang layak untuk menerima inisiatif Gold Card. Terdapat pelbagai diskaun dan tawaran istimewa. Segala jenis kemudahan istimewa disediakan untuk yang layak dengan penjimatan setiap hari berdekatan dan di seluruh daerah-daerah di Sarawak

Kad ini menawarkan:

- Diskaun dan rebat setiap hari ke atas barangan keperluan seperti, barangan keperluan dapur, makanan, penjagaan kesihatan, telekomunikasi dan pengangkutan.
- Manfaat lain seperti pekerjaan, jahitan, saloon rambut dan urutan.
- Tawaran istimewa yang bernilai tinggi



CARA MEMOHON KAD KENYALANG GOLD

Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat
SARAWAK



KENYALANG GOLD CARD (KGC) INITIATIVE



Bagi pemohon baru, anda kini boleh memohon (KGC) Kenyalang Gold Card melalui laman sesawang kami di isarawakcare.sarawak.gov.my/apply-now



TANPA
Sarawak ID



PENDAFTARAN



MyKad

ISI BUTIRAN PERIBADI ANDA

(Peringatan: Sila pastikan semua butiran mandatori diisi dengan lengkap)

Butiran akaun pemohon telah dilengkapkan



PENGESAHAN NO. TELEFON BIMBIT ANDA
(Peringatan: Kod Pengesahan OTP akan dihantar ke nombor telefon bimbit anda)

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Pemegang Kad Pengenalan Sarawak berstatus "K"
- ✓ Pemastautin Tetap di Sarawak
- ✓ Berusia 60 tahun dan ke atas



SEBARANG
PERTANYAAN BAGI
SOKONGAN
TEKNIKAL:

1. Sarawak ID

- Sila hubungi
1300 887 246

atau layari laman web
https://dcrown.sains.com.my/dcrown/cats/home/landing_page/
untuk Sarawak ID Log Masuk
atau Pendaftaran

2. Inisiatif KGC

- Sila hubungi
082 - 374888
(Cawangan Perkhidmatan Warga Emas)

atau emel kepada
teamkgc2020@gmail.com

atau WhatsApp kepada
<https://wa.me/60135842759>

2

LOG MASUK



1

DENGAN
Sarawak ID



3

INISIATIF

Klik butang
inisiatif
"KENYALANG
GOLD CARD"



4

ISI BORANG
INISIATIF
(Peringatan: Sila
pastikan semua
maklumat adalah
tepat)



7

Klik pada butang
"GARIS MASA"
untuk menyemak status
permohonan anda



6

Klik pada
butang
"LIHAT PERMOHONAN"
untuk menyemak
permohonan
yang telah



5

Klik pada
butang
"HANTAR"
untuk menghantar
permohonan
anda



Bantuan Ihsan Kematian (BIK)

Inisiatif kerajaan Sarawak yang menyediakan bantuan kewangan kepada waris pemegang Kenyalang Gold Card (KGC) yang layak apabila mereka meninggal dunia.

Untuk layak menerima Bantuan Ihsan Kematian (BIK), syarat-syarat berikut perlu dipenuhi:

1. Waris pemegang KGC yang meninggal dunia: Waris sah kepada pemegang KGC layak memohon bantuan ini.
2. Pemegang KGC yang tidak menerima faedah kematian daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA): Bagi pesara kerajaan yang sudah menerima faedah kematian daripada JPA, BIK tidak akan diberikan.
3. Pemegang KGC yang bukan penghuni institusi kerajaan: Pemegang KGC yang menetap di institusi kerajaan tidak layak untuk BIK.
4. Permohonan dibuat dalam tempoh 4 bulan (120 hari) selepas kematian: Waris perlu mengemukakan permohonan dalam tempoh ini untuk melayakkan diri menerima bantuan.

SUMBANGAN KEPERLUAN ASAS (SKAS)

Program bantuan kewangan yang disediakan kepada kumpulan rakyat Sarawak yang berpendapatan rendah melalui baucar digital. Baucar ini boleh diakses melalui aplikasi SPAY GLOBAL (e-Dompot) untuk pembelian barangan makanan yang penting.\

1. **Kategori Isi Rumah** berpendapatan RM5,000 ke bawah akan menerima RM800
2. **Kategori Bujang** dengan pendapatan RM2,500 dan ke bawah akan menerima RM250
3. **Kategori Warga Emas** berpendapatan RM5,000 ke bawah akan menerima RM400

Kelayakan :

1. Anak Sarawak memegang Kad Pengenalan K dan menetap di Sarawak
2. Maklumat penerima adalah berdasarkan data daripada Sumbangan Tunai Rahmah (STR) yang dikemaskini sehingga Fasa 4, 2024
3. Penerima yang layak dikategorikan mengikut kelayakan kategori

CARA MEMOHON BANTUAN SKAS

SKAS | **SUMBANGAN KEPERLUAN
ASAS SARAWAK**

PENDAFTARAN S PAY GLOBAL

S PAY GLOBAL
Take it easy. Cashless Sarawak

**DAFTARLAH
DENGAN KAMI**
Ikuti Langkah-langkah
Mudah Ini

LANGKAH 1

muat turun dari



Download on the
App Store

For iOS devices



GET IT ON
Google Play

For Android devices



2 Pilih "New User
Registration"



3 Pilih Warganegara
anda



4 Isikan butir-butir
maklumat anda



5 Muat naik gambar
MyKad anda



6 Pastikan muka
anda dalam
bulatan untuk
tujuan rakaman



7 Masukkan no. TAC
yang dihantar ke no.
telefon anda untuk
pengesahan
Kemudian sila
log masuk



8 Daftarkan PIN
pembayaran anda
PIN ini diperlukan
untuk pengesahan
pembayaran anda
nanti



9 Tahniat! Pendaftaran
anda telah berjaya
Mulakan gaya hidup
CASHLESS anda
dengan SPayGlobal!

Khidmat Pelanggan

(082) 22 45 99

customerservice@spayglobal.my

Laman Web & Laman Sosial

www.spayglobal.my

@spayglobal.my

dibawakan
oleh



**Kerajaan
Sarawak**

SUMBANGAN TUNAI RAHMAH (STR)

Program bantuan kewangan yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia untuk membantu rakyat menghadapi peningkatan kos sara hidup.

Kategori kelayakan :

Isi Rumah	Warga Emas Tanpa Pasangan	Individu Bujang
• Isi rumah merujuk kepada ibubapa tunggal yang mempunyai anak tanggungan • Pendapatan bulanan mestilah tidak melebihi RM5,000	• Merujuk kepada individu berumur 60 tahun ke atas yang tiada pasangan • Pendapatan bulanan juga tidak boleh melebihi RM5,000	• Berumur antara 21 hingga 59 tahun • Bagi golongan OKU, had umur minimum adalah 19 tahun • Pendapatan bulanan tidak melebihi RM2,500 • Pelajar sepenuh masa di universiti awam atau swasta tidak layak untuk memohon sebagai individu bujang, tetapi boleh disenaraikan sebagai anak tanggungan di bawah kategori isi rumah

Jumlah bayaran yang akan diterima adalah seperti berikut:

Kategori Bantuan	Pendapatan	Bilangan Anak / Nilai Bantuan			
		0	1-2	3-4	≥5
Isi Rumah	RM2,500 dan ke bawah	RM1,000	RM1,500	RM2,000	RM2,500
	RM2,501 - RM5,000	RM500	RM750	RM1,000	RM1,250
Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan	RM5,000 dan ke bawah	RM600			
Bujang	RM2,500 dan ke bawah	RM350			